

no.963 - Adakah benar dalam akidah kamu mengatakan bahawa S.Ali bertaqiyah di zaman tiga khalifah walaupun pada zaman itu al-Quran telah diubah,kekufuran tersebar dan hak orang yang berhak tidak diberikan ?

no.964 - Dalam kitab Usul Kafi ada disebutkan: [.....] “Tidak ada iman orang yang tidak bertaqiyah.” Taqiyah ini sebenarnya menipu .

no.965 – Ketika di medan Karbala , S. Husin berhadapan dengan musuhnya dan di situlah beliau meninggal dunia . Yazid , Ibn Ziyad , Shamro’ , dan lain – lain pasukan datang untuk membunuhnya . Kenapakah beliau tidak bertaqiyah sekiranya nyawanya terancam ?

no.966 – Kalau S.Husin mengamalkan taqiyah , kenapa ? Kalau S.Husin tidak bertaqiyah , kenapa ? Cuba jawab .

no. 967 – Adakah S.Husin berperang ketika itu kerana menganggap khalifah semasa tidak benar dan beliau tidak boleh lagi bertaqiyah . Cuba jelaskan perkara yang sebenar .

no.968 – Apa pandangan kamu tentang S.Hasan apabila beliau menyerahkan kuasa negara islam kepada S.Muawiyah sedangkan Allah menyerahkan kuasa pemerintahan kepadanya . Adakah S.Hasan berdosa ?

no.969 – Adakah kalimah syahadah kamu sama dengan kalimah syahadah ahli Sunnah walJamaah ? Tolong jawab .

no.970 – Adakah selawat kamu sama dengan selawat ahli Sunna walJamaah ? Tolong jawab .

no.971 – Adakah sumber rujukan kitab Syiah sama dengan sumber rujukan kitab ahli Sunna walJamaah ?

no.972 – Kalau sama , sama semua atau setengah sahaja ? Kalau sama , yang mana satu kamu boleh terima ?

no. 973 – Bolehkah kamu terima sekiranya kami kata ajaran kamu jauh / tidak ada kaitan dengan agama Islam , tidak ada kaitan dalam menyebarkan agama Islam dari dulu dan tiada kaitan dalam menjaga tanah haram ? Setuju atau tidak ?

no.974 – Cuba beritahu kenapa dari dulu hingga sekarang ajaran Syiah susah disebar dan diterima ramai ?

no.975 – Cuba jawab bagaimana agama seperti yang berikut dapat disebar / dipersembahkan ke seluruh dunia .

- Agama yang kitab sucinya palsu / telah ditukar .
- Nabinya kurang kerana berbaiah kepada orang bawahannya / umatnya .
- Yang menguasai sesuatu adalah Ali , bukan tuhan .
- Khalifah yang sebenar menyembunyikan agama sebenar sepanjang hayat (taqiyah)

- Khalifah – khalifah yang tidak benar! sewenang – wengangnya merosakkan agama ketika khalifah yang sebenar masih ada dan khalifah sebenar bertaqiyah .
- Seorang imam yang ma'sum yang telah menjadi khalifah selepas ayahnya tiba – tiba menyerahkan segala kuasa pemerintahan kepada seseorang yang menentangnya ( yang salah pada pandangannya ) yang telah beberapa kali berperang dengan ayahnya .
- Ajaran yang kalimah syahadah-nya , selawat , azan , dan cara berwudhuknya tidak sama dengan ahli Sunnah walJamaah . Bolehkan kita menerimanya untuk bersatu sebagai Islam untuk bersatu?

No.981 –Dalam Usul Kafi cetakan Iran m/s 340 disebutkan: “Sabar kepada iman seperti kepala kepada tubuh,kalau hilang kepala hilanglah tubuh.Begitu juga kalau hilang sabar,hilanglah iman.”

No.985 –Dalam Usul Kafim/s 342 cetakan Iran,kata Ali Zainal Abidin[imam ke-4 Syiah]:”Sesiapa yang bersabar terhadap musibah yang menyimpannya,Allah akan tuliskan kepadanya tiga ratus darjat,antara satu darjat dengan satu darjat ganjarannya seluas langit dan bumi.”

No.986 –Sabar dituntut setelah berlaku sesuatu yang menyedihkan,bila terjadi kenapa kamu tidak bersabar?Sebaliknya yang berlaku sekarang adalah majlis perkabungan.Cuba jawab bilakah nabi-nabi dahulu mengadakan majlis ini?Sekiranya majlis ini pernah dibuat oleh nabi-nabi bawakan dalil kamu buat kerana nabi buat.

No.987 –Sedangkan dalam hadith Jaafar Sadik berkata:”Ketika kamu ditimpa kesusahan jangan menampar muka,jangan menggaru muka,jangan koyak kolar baju,jangan mencabut bulu-bulu janggut,jangan memakai pakaian yang berwarna hitam,jangan meraung-raung.”

No.998 –Dalam kitabnya Nabi s.a.w berpesan ketika hampir mati:mesti bersabar,jangan meratap.

No.991 –Bila anak Ash'as bin Qais meninggal,S.Ali berkata/mengucapkan takziah kepadanya:”Kalau kamu bersabar,takdir tuhan tetap akan berlaku dan kamu mendapat/beroleh pahala,jika kamu gelisah,takdir tuhan tetap akan berlaku dan kamu tatap mendapat dosa-Nahjul Balaghah m/s 224.kalau semuanya melarang,apa masalah kamu melakukan perkara ini?

No.992 –Dalam kitab “Man La Yahdhuruhul Faqih” m/s 359 jilid 2:”Sesiapa yang memukul tangannya ketika menghadapi musibah,terhapus amalannya.”

No.993 –Dalam kitab “Man La Yahdhuruhul Faqih” m/s 81:Amirul Mukminin berkata”Antara yang diajar kepada ashabnya jangan memakai pakaian hitam[bagi lelaki]kerana itu adalah pakaian Firaun.”

No.994 –Apabila S.Husin mahu ke Kufah,beliau berpesan:”Demi Allah aku bersumpah,hendaklah kamu bersabar,jangan gelisah,jangan mengangkat tangan kerana meratap,jangan kamu koyak kolar bajumu,jangan meraung-raung.”

No.995 –Dalam” Jila ul ‘Uyun” m/s 387,kata S.Husin:”Kalau aku mati oleh pedang musuh,jangan kamu koyak kolar baju, jangan menampar muka,jangan meraung –raung.”

No.996 –Kalau para nabi,para rasul,imam-imam kamu tidak melakukan perkara-perkara begini,siapa pengasasnya?Kamu mengikut siapa?

No.997 –Kenapa hanya S.Husin yang diadakan majlis takziah untuknya?Kenapa tidak untuk imam-imam yang lain?Adakah mereka tidak berjasa?

No.998 – Sekiranya Syiah tidak mengadakan upacara perkabungan,apa fatwa kamu terhadap mereka?

No.999 –Cuba jawab apakah kedudukan majlis perkabungan ini?wajib?fardhu?sunat?

No.1000-Cuba jawab, dalam dunia Islam tidak ada orang Islam yang mendakwa dirinya orang Islam walaupun bukan ahli sunni yang mengadakan majlis perkabungan seperti Syiah.